

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model

Mohamad Abdullah Hemdi

A New Estimator and its Performance

Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe

The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry

Shaira Ismail

The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning

Mah Boon Yih

Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms

Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan

Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam

Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud

Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah

Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli

Hoe Foo Terng
Cheun Heng Huat
Ho Wee Chee

EDITORIAL BOARD
ESTEEM VOLUME 5, NUMBER 2, 2009
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang
SCIENCE & TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES

ADVISORS

Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Assoc. Prof. Mohd Zaki Abdullah

PANEL REVIEWERS

- Assoc. Prof. Dr. Foo Fong Lian (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Mohd Salehuddin Mohd Zahari (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Normala Daud (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Roshidi Hassan (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Cheun Heng Huat (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Norhayuza Mohamad (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Sarminah Samad (*Universiti Teknologi MARA*)
Laila Mohammad Kamaruddin (*Universiti Teknologi MARA*)
Sofwan Hasbullah (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Ir. Dr. Md. Azlin Md. Said (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Khadijah Zon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. T. Ramayah (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Aziah Ismail (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Farid Ezanee Mohamed Ghazali (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Muhammad Azizan Sabjan (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Noor Hazlina Ahmad (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Ong Hong Choon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (*Universiti Malaya*)
Dr. Ahmad Zuhdi Ismail (*Universiti Malaya*)
Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*Universiti Malaya*)
Dr. Nor 'Azzah Kamri (*Universiti Malaya*)
Dr. Siti Arni Basir (*Universiti Malaya*)
Assoc. Prof. Dr. Latifah Amin (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)
Dr. Hj. Adnan Yusopp (*Universiti Putra Malaysia*)

CHIEF EDITOR

Mohd Aminudin Murad

MANAGING EDITOR

Hoe Foo Terng

PANEL EDITORS

Baderisang Mohamed
Lim Teck Heng
Liaw Shun Chone

Ahmad Khair Mohd Nor
Zuraidah Jantan

Copyright © 2009 by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

Esteem Academic Journal is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

ESTEEM

UNIVERSITY COLLEGE MALAYSIA
UITM, SHAH ALAM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Foreword

iii

1. Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model 1
Mohamad Abdullah Hemdi
2. A New Estimator and its Performance 21
Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe
3. The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry 39
Shaira Ismail
4. The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning 61
Mah Boon Yih
5. Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms 71
Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan
6. Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam 93
Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud
7. Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah 115
Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

| | |
|---|-----|
| 8. Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli Hoe Foo Terng Cheun Heng Huat Ho Wee Chee | 149 |
| 9. The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English Cheang Eng Kwong | 165 |
| 10. Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian Che Haslina Abdullah Zulkefli Mohamad Siti Khalijah Majid Saharani Abdul Rashid | 183 |
| 11. Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina Roshaimizam Suhaimi Jasni Sulong | 201 |
| 12. Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih Zulkifli Dahalan | 215 |
| 13. Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Peridah Bahari Fatimah Bahari | 231 |
| 14. Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik? Mohd. Hapiz Mahaiyadin Khaliff Mu'ammor A. Harris | 241 |
| 15. Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam Halipah Hamzah | 257 |

Foreword

Alhamdulillah. Firstly, I would like to express my thanks and congratulations to the Editorial Board of *Esteem Academic Journal* of Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang for their diligent work in helping to produce this second issue of volume 5. I also would like to thank the reviewers for the excellent vetting of the manuscripts. A special thanks to University Publication Centre (UPENA) of UiTM for giving us this precious opportunity to publish twice this year. In this bilingual science & technology and social sciences issue, similar to the first issue we managed to invite more reviewers from our university as well as other universities in Malaysia. In the near future, we will approach and invite more international reviewers to be in the Editorial Board in order to internationalize our journal. Again, this current issue remarks a new height of the journal standard.

In this issue, we have compiled another 15 interesting articles. The first article is entitled “Service Employees’ Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model” written by Mohamad Abdullah Hemdi. The author makes an attempt to investigate the relationship between information system quality, perceived ease of use, perceived ease of usefulness and attitude towards use by adopting an extended technology acceptance model (TAM). This article also presents theoretical and practical contributions for hotel managers and hotel information system (HIS) practitioners in order to increase frontlines acceptance of HFOS. The second article by Ng Set Foong, Low Heng Chin and Quah Soon Hoe proposed a new estimator as an alternative of the Ordinary Least Squares Estimator for linear regression model. This new estimator is shown to have a reduction in mean squared error compared to the mean squared errors of the special case of Liu-type estimator and the Ordinary Least Square Estimator under certain conditions.

Shaira Ismail in her article studies the elements of business strategy for surviving in the franchising industry. The author concluded that the firm’s competitive advantages need to be explored and defined as a blueprint for business strategic planning. The extremely important factors contributing to a company’s competitive advantage are in relations to customers and products. The fourth article by Mah Boon Yih is primarily concerned about how the learner’s existing linguistic knowledge influences the course of English language development among Chinese ESL learners.

The use of English language presented in the form of written work from the samples of 12 students has manifested itself the impact of their L1 (Chinese) transfer in their second language acquisition.

The fifth article by Che Khairil Izam Che Ibrahim et al. surveyed the awareness on analyzing major determinants of goals and benefits in international construction market. Findings indicate that as Malaysian construction firms go international, determination of a firm's basic goals and long term benefits is a really important aspect in exploring international construction projects. Zulkifli Dahalan and Wahairi Mahmud in their article entitled "Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam" discuss how managing changes can strengthen an organization, in a way that is in accordance to Islam. Leaders play important role since the success of an organization depends on the leaders' ability to manage the changes.

Rahimin Affandi Abd Rahim et al. focused on the review of the development of Islamic science and technology framework in public universities. The authors concluded that the process and move in developing Islamic science and technology framework in universities is still a distant away from reaching its target. The eight article by Hoe Foo Terng, Cheun Heng Huat and Ho Wee Chee looks into the problems and difficulties in learning phrases and sentences in Mandarin language among non-Mandarin spoken students as well as the causing factors and the strategies to overcome the problems. The results show that students always make Mandarin grammar mistakes due to the influence of their mother tongue language, mistakes by opposing the logical, chronological or time, or carelessness.

The article entitled "The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English" by Cheang Eng Kwong highlights the factors that contribute to the poor proficiency of spoken English among the diploma students in UiTM Pulau Pinang. The results of the study concluded that both internal and external factors have resulted in the poor use of spoken English among the students. The tenth article by Che Haslina Abdullah et al. is a result of a research on the students' perception on lecturers teaching Islamic Studies course. The results indicated a high percentage of students agree that the Islamic Studies lecturers have higher credibility.

The eleventh article by Roshaimizam Suhaimi and Jasni Sulung entitled "Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina" emphasizes on Ibn Sina's contributions in medical or medicine knowledge as well as the everlasting Islamic medical knowledge that is still being used until today although his name has not been properly recognized and acknowledged

by the West. Zulkifli Dahalan's article entitled "Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih" concentrates on the Islamic learning process and curriculum in selected kindergarten or preschool. The authors monitor the total learning hours for Islamic Studies course and other courses and suggested Islamic Studies course to be as a part of the preschool curriculum.

The article entitled "Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM" by Peridah Bahari and Fatimah Bahari discusses the role of lecturers in the development of higher learning as well as to enhance the quality of teaching. The fourteenth article discusses the conflict between Islamic civilization and Western civilization. The authors, Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khaliff Mu'ammar A. Harris suggested that the Islamic civilization could coexist with the Western if the West is able to understand Islam and the Muslim society. However, the full understanding is difficult to achieve since Islam civilization is concerned about revealing the truth while the Western civilization is about concealing the truth. The last article entitled "Kedudukan Para Nabi, Malaikat, Jin dan Iblis Menurut Pemikiran Islam" written by Halipah Hamzah looks into the position of *nabi*, *malaikat*, *jin* and *iblis* from an Islamic point of view.

Mohd Aminudin Murad
Chief Editor
Esteem, Vol. 5, No. 2, 2009
(Science & Technology and Social Sciences)

Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik?

Mohd. Hapiz Mahaiyadin

Center for Islamic Thought and Understanding

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Emel: mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

Khaliff Mu'ammal A. Harris

Universiti Kebangsaan Malaysia

Emel: khalif@ukm.my

ABSTRAK

Penulisan ini menghuraikan konsep ketamadunan dan peradaban menurut perspektif Islam dan Barat serta mencari titik-titik asas yang menyebabkan berlakukan konflik antara kedua-dua tamadun tersebut. Tamadun Islam tidak pernah memusuhi agama, budaya dan cara hidup orang Barat dengan memaksa seluruh manusia menuruti kehendaknya. Dengan dasar dan prinsip tersendiri, Islam menolak fahaman sekularisme berdasarkan kepada materialisme, hedonisme, dualisme, humanisme dan rasionalisme. Fahaman tersebut yang mendasari perkembangan tamadun Barat, bukan sahaja merosakkan fungsi agama dan akhlak, malah pemikiran dan sistem nilai manusia. Turut disentuh proses Islamisasi dan kepentingan umat Islam menguasai ilmu moden bagi menghadapi cabaran masa kini selain mengembalikan semula kehebatan tamadun Islam di pentas dunia.

Kata kunci: tamadun Islam dan Barat, sekularisme, konflik tamadun, worldview, Islamisasi

Pendahuluan

Perbincangan mengenai Islam dan Barat biasanya dihantui dengan permusuhan dan pertentangan di antara dua tamadun tersebut, khususnya dalam dua dekad terakhir ini. Dalam hal ini, kebiasaannya media Barat sering menjadikan umat Islam mangsa kritikan dan cemuhan kerana tidak memilih sikap perdamaian serta menuruti segala kehendak Barat. Fenomena ini, seperti yang diungkapkan John L. Esposito, terjadi disebabkan persepsi Barat yang menganggap Islam sebagai ancaman (*threat*) kepada kewujudan ataupun hegemoni tamadun Barat (John L. Esposito, 1992: 13-15).

Perkara yang perlu difikirkan kembali oleh masyarakat Barat mahupun umat Islam sendiri ialah benarkah Islam sangat memusuhi Barat dalam setiap keadaan dan di manakah kedudukan sebenar permusuhan tersebut. Mereka yang mengkaji dan memahami agama Islam akan mengetahui hakikat sebenar bahawa Islam tidak pernah memusuhi Barat disebabkan masyarakatnya berkulit putih, beragama Kristian, berbangsa dan berbahasa Eropah. Islam menghormati perbezaan agama, darah, keturunan, bangsa dan warna kulit. Ini kerana Islam adalah agama untuk semua umat manusia. Sebagai agama yang bersifat universal, Islam tidak akan bergerak di atas dasar perkauman dan fasisme.

Islam melihat kepelbagai dan perbezaan bangsa, warna kulit dan bahasa sebagai tanda kekuasaan Allah dan dorongan untuk saling mengenali dan memahami satu sama lain. Kepelbagai tersebut tidak sepautnya menjadi pendorong kepada permusuhan dan kecenderungan untuk membangga-banggakan kaum, bangsa, dan kelompok sendiri. Kecenderungan seperti ini hanya akan mengakibatkan kebencian antara umat manusia. Tamadun Islam tidak mengiktiraf istilah *sya'bul-Lah al-mukhtar* (bangsa pilihan Tuhan), seperti yang wujud pada bangsa Yahudi dan diikuti pula oleh Mussolini dan Hitler. Islam adalah agama kedamaian, ketenteraman dan ketenangan. Islam adalah agama yang cukup toleran terhadap agama-agama lain. Tidak seperti agama Yahudi yang menganggap pengikut agama lain adalah musuh yang mestи diperangi dan dihapuskan, ataupun mengkategorikan bangsa lain sebagai bangsa yang rendah dan hina (Isma'il Raji al-Faruqi, 1998).

Permasalahan sebenar di sini bukan permusuhan di antara Islam dan Barat, tetapi sebenarnya lebih kepada keprihatinan pemikir-pemikir Muslim dalam memastikan kemumian agama Islam dipertahankan. Para pemikir dan intelektual Islam sejak awal abad ke-20 lagi berusaha

memahamkan umat Islam bahawa Islam perlu difahami sebagai agama dalam perspektif yang lebih holistik dan luas, bukannya pemahaman dangkal sebagaimana difahami penganut-penganut agama lain. Mereka yang juga dikenali dengan nama para mujaddid telah menyuarakan idea bahawa Islam hendaklah difahami sebagai cara hidup dan sistem kehidupan yang bertamadun. Ini kerana Islam mempunyai tamadunnya tersendiri, dengan dasar cara berfikir dan ciri-ciri yang berbeza dengan tamadun Barat. Dengan demikian, Islam menuntut umatnya menjalankan kehidupan sesuai dengan acuan agama dan tamadun mereka.

Dari sini dapat dilihat bahawa pertentangan berlaku bukan juga di antara Islam dengan agama Kristian, ataupun umat Islam dengan masyarakat Barat. Tetapi disebabkan perbezaan dan perselisihan pendapat ataupun pendekatan dalam pemikiran yang menjadi dasar (*foundation*) kepada kedua-dua tamadun Islam dan tamadun Barat itu sendiri. Islam tidak bersetuju dengan beberapa aspek daripada tamadun Barat yang telah diwarnai dengan sekularisme. Penentangan Islam terhadap sekularisme tidak bermakna permusuhan terhadap Barat. Islam menentang sekularisme dengan tujuan melindungi agama Islam daripada salah faham yang menyempitkan skop Islam hanya kepada hal-hal bersifat ritual dan amalan individu sahaja. Keaslian dan kesyumulan agama Islam akan hilang sekiranya ia difahami mengikut *worldview* Barat yang meletakkan agama dalam konteks sempit sebagai amalan bersifat kerohanian semata-mata (Al-Attas, 1978).

Oleh itu, para pemikir Islam berusaha untuk mempertahankan keaslian dan identiti sebenar Islam daripada diubah dan dipengaruhi oleh orang-orang yang berfikiran sekular baik dari kalangan orang Islam sendiri maupun orang bukan Islam. Demikian juga Islam menentang kesan-kesan buruk yang dibawa oleh sekularisme yang besar pengaruhnya dalam kehidupan manusia. Pemikiran sekularisme membawa bersama cara hidup dan cara berfikir yang berdasarkan kepada materialisme, hedonisme, dualisme, humanisme dan rasionalisme.

Kesan sekularisme ini sangat besar kepada masyarakat Islam di setiap pelosok dunia Islam. Justeru budaya materialistik-hedonistik inilah yang meresapi jiwa masyarakat Islam dan bukannya ilmu pengetahuan dan budaya ilmu yang dapat memajukan sesebuah masyarakat. Akibatnya, umat Islam yang sememangnya lemah disebabkan mereka telah meninggalkan ajaran agama mereka, menjadi semakin mundur dan tidak berdaya kerana dipengaruhi budaya Barat yang rendah. Fenomena materialisme bukan sahaja terlihat pada umat Islam yang majoritinya tidak mempunyai pendidikan agama yang kuat. Bahkan yang lebih

menyediakan lagi, terdapat segolongan intelektual Muslim ataupun ulama yang terpengaruh dengan sikap materialistik dan menjadikan agama sebagai alat untuk meraih kemewahan hidup dan mencapai kepentingan peribadi. Oleh itu, tidak hairanlah apabila perubahan yang dicita-citakan pada umat Islam tidak berlaku, kerana golongan intelektual ini tidak berfungsi dengan sewajarnya.

Dalam menghuraikan konflik di antara Islam dan Barat, satu faktor penting ialah mengenai peranan gerakan Islam dalam usaha mengangkat syiar-syar Islam di kebanyakan negara Islam. Kewujudan gerakan Islam seperti Ikhwanul Muslimin di Mesir, Syria dan Jordan, Jemaat Islami di Pakistan, Masyumi di Indonesia suatu ketika dahulu, turut mendapat respons daripada pemikir dan media Barat. Mengulas hal ini, Khurshid Ahmad menjelaskan bahawa tujuan sebenar kemunculan gerakan-gerakan Islam bukanlah untuk memusuhi dan menentang Barat, sebagaimana ditonjolkan oleh media dan penulis-penulis Barat. Akan tetapi tujuan utamanya adalah untuk menyusun semula (*reconstruct*) dan memperbetulkan keadaan umat Islam yang tidak bermaya, kucarakacir dan keliru. Beliau menegaskan:

In this regard, our only submission is that Islam and Islamic movements should not be looked upon primarily as a threat to the West, because the primary concern of the Islamic movements is to set their own house in order. We do possess a program for remolding and refashioning society and polity, and our aim is to reconstruct Muslim society.

(Khurshid Ahmad, 2000)

Definisi Tamadun

Peradaban Islam sering difahami segolongan besar umat Islam sebagai fakta-fakta sejarah tentang kegemilangan umat Islam pada masa silam. Oleh itu ia memberikan indikasi yang tidak menarik dan membosankan. Ada juga yang menilai bahawa peradaban Islam tidak wujud pada masa ini. Ini bermakna orang yang bercakap tentang peradaban atau tamadun Islam hanya bermimpi dan mengimbau masa silam. Pemahaman dan asumsi seperti ini tidak tepat dan mengelirukan. Peradaban Islam tidak merujuk kepada tamadun kebendaan semata-mata. Mereka yang mengatakan demikian telah terpengaruh dengan pandangan Barat ataupun *Western Worldview* dalam menilai peradaban. Justeru itu, didapati tidak

banyak tulisan yang berusaha untuk mengemukakan pandangan semesta Islam (*Islamic Worldview*) mengenai peradaban dan juga membahas kriteria dan substansi peradaban Islam yang membezakannya dengan peradaban lain.

Ibn Khaldun merupakan salah seorang sarjana Islam terawal yang menghuraikan konsep ketamadunan. Beliau menggunakan Istilah ‘*hadharah*’ bagi menggambarkan kehidupan tahap maju yang merupakan lawan daripada ‘*badawah*’ iaitu kehidupan badwi atau mundur. Beliau juga menggunakan istilah *Umran* yang memberi maksud pembangunan. Dalam kitabnya al-Muqaddimah beliau lebih banyak menggunakan istilah *Umran* yang berasal dari asal kata ‘*amara, ta’mir*’ yang bermaksud membangun, memajukan, menghidupkan dan memakmurkan.

Bermula pada kurun ke-20 Masihi, muncul perkataan *tamadun* dan *madaniyyah*. Pemikir Islam seperti Muhammad Abduh menggunakan istilah *madaniyyah* yang berasal dari perkataan Madinah. Madinah membawa maksud bandar atau kota yang merupakan asas dan tempat perkembangan sesuatu tamadun. Seorang penulis Kristian bermama Jurji Zaidan menggunakan istilah tamadun dalam bukunya *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*. Istilah inilah yang telah diMelayukan dan lebih banyak dipakai berbanding perkataan *hadharah* ataupun terjemahannya peradaban. Syed Muhammad Naquib al-Attas mengatakan bahawa istilah tamadun berasal dari perkataan *al-Din* yang merupakan asas tamadun itu sendiri. Tamadun menurut beliau adalah kehidupan insan yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat (Al-Attas, 1978).

Seorang tokoh yang banyak menekuni bidang ketamadunan dari Algeria, Malik Bennabi, mengakui perlunya tamadun difahami dalam kedua-dua aspek rohani dan fizikal, dan bukannya aspek fizikal sahaja. Dalam definisi yang diberikan oleh Malik Bennabi peradaban adalah sejumlah kesatuan daripada perbendaharaan yang bersifat moral dan material yang dapat membawa sebuah masyarakat dan memberikan setiap individu dalam masyarakat tersebut segala keperluan sosialnya untuk kemajuan. Beliau juga menambahkan kemajuan tersebut bukan diukur dalam perkembangan ekonomi dan teknologi, akan tetapi yang lebih penting daripada itu pembangunan moral. Pada pandangan beliau sebuah peradaban adalah hasil penggunaan yang efisien terhadap tiga komponen utama iaitu: manusia, tanah dan masa. Bagaimanapun, ketiga-tiga komponen ini bergantung kepada satu kekuatan dalaman iaitu agama (Fawzia Barium, 1993).

Oleh yang demikian kita dapat simpulkan terdapat kesepakatan di kalangan pemikir Islam tentang tamadun dan peradaban. Dapat disimpulkan bahawa peradaban mempunyai dua asas atau aspek yang penting :

1. Aspek rohani dan pemikiran (bukan fizikal). Ini meliputi agama, dasar pemikiran, budaya, nilai, adat, warisan, undang-undang, bahasa, sejarah, dan adab. Aspek ini akan menentukan identiti sesuatu umat dan masyarakat, dan mempengaruhi kekuatan dan kemapanan sesuatu tamadun.
2. Aspek fizikal. Ketamadunan (*al-madaniyyah*) atau menurut Ibn Khaldun sebagai *al-'umran* adalah unsur jasmani atau kebendaan daripada peradaban. Ia meliputi pembangunan infrastruktur, kemajuan dari segi produk, pekerjaan, kemahiran dan penghidupan. Aspek ini bersifat universal dan dapat dimiliki oleh mana-mana masyarakat dengan usaha dan daya saing. Oleh sebab itu setiap hasil kemajuan sains dan teknologi menjadi milik masyarakat global.

Walaupun ramai penulis, khususnya di alam Melayu, cenderung menganggap tamadun dan peradaban (*hadharah*) adalah perkataan yang sama makna, tetapi sebenarnya ada perbezaan di antara keduanya. *Madaniyyah* dalam bahasa Arab dan tamadun dalam bahasa Melayu merujuk kepada suatu tingkatan yang tinggi dalam kehidupan kebendaan sesebuah masyarakat seperti pembangunan infrastruktur dan kelengkapan keperluan hidup asasi atau keperluan tambahan (*tahsinat*). Manakala peradaban pula membawa erti sesuatu yang merangkumi kecemerlangan dalam aspek-aspek pemikiran, moral dan sosial.

Sebelum kelahiran tamadun Islam, sejarah telah mengenali tamadun-tamadun besar seperti Babylon, Assyria, Chaldea, Israel, Sumeria, Mesir, Phoenicia, Carthage, Farsi, Sasani, Achaemenia, Media, Arya, Phartia, India, Rom, Yunani, Byzantine, Jepun, dan China. Kebanyakan tamadun tersebut hanya tinggal sejarah. Walaupun tamadun Islam juga dilihat sebagai peninggalan sejarah, namun terdapat perbezaan ketara di antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun yang disebutkan di atas tadi, di mana tamadun Islam berorientasikan agama dan bersifat universal sedangkan tamadun-tamadun lain berorientasikan perkauman, bangsa dan semangat kedaerahan. Dalam kaitannya dengan tamadun selain Islam, Sayyid Qutb (1993) berpendapat bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang dapat mewujudkan tamadun dan peradaban yang sebenar. Dalam erti kata lain, tamadun lain selain Islam yang dihasilkan oleh manusia tidak mampu mewujudkan tamadun yang sempurna dan sebenar.

Pendapat ini ada benarnya apabila dilihat daripada tujuan dan matlamat sebenar pembangunan sebuah tamadun. Islam menggariskan bahawa tujuan mewujudkan sebuah tamadun adalah untuk kepentingan manusia, justeru manusia menjadi fokus utama dalam ketamadunan dan bukannya kebendaan dan teknologi. Al-Quran menekankan pembangunan insan yang kamil, sempurna dan bermanfaat kepada orang lain dan memberikan sumbangsan kepada masyarakat. Sesuatu tamadun yang menitikberatkan pembangunan material tanpa menghiraukan pembangunan spiritual dan moral manusia adalah tamadun yang tidak menguntungkan manusia, tidak dapat memberikan kebaikan kepada manusia, bahkan ia menyumbang kepada keburukan dan ketidakharmonian dalam kehidupan manusia.

Penekanan yang seimbang dari segi jasmani dan rohani, kebendaan, pemikiran, moral dan akhlak adalah merupakan keistimewaan peradaban dan tamadun Islam, yang menjanjikan kesejahteraan, keharmonian dan kebaikan bagi seluruh umat manusia. Tamadun yang dihasilkan Barat pula sebenarnya bukan sebuah tamadun yang membangun manusia seutuhnya, sebagaimana sepatutnya, akan tetapi tamadun tersebut sebenarnya telah menghancurkan dan merendahkan manusia. Teori evolusi Charles Darwin, teori Psiko-analisis Sigmund Freud dan teori materialisme Karl Marx adalah contoh-contoh yang cukup membuktikan sejahmana kesan negatif teori-teori tersebut terhadap ketamadunan umat manusia (Qutb, 1993).

Tulisan-tulisan tentang tamadun Islam dan pemikiran Islam pada masa ini cuba menjawab persoalan sebenar masalah utama umat Islam: apakah punca utama kemunduran umat Islam, apakah ia berpunca dari kelemahan dalam bidang sains dan teknologi, keruntuhan moral atau kehilangan kekuasaan politik dan perundangan.

Malik Bennabi (1994), mengenal pasti beberapa masalah utama yang menjadi punca kemunduran umat Islam. Beliau berpendapat apa yang dinamakannya kekuatan pemikiran (*idea-force*), mempunyai peranan besar dalam mengubah masyarakat jahiliyyah kepada masyarakat yang bertamadun. Demikian juga *idea-force* ini jugalah yang telah memperkasakan masyarakat Barat, setelah menggali semula khazanah keilmuan Yunani dan membuaikan hasilnya dalam bentuk *renaissance* (kebangkitan Eropah).

Oleh demikian beliau berpendapat bahawa punca kemunduran umat Islam adalah hilangnya faktor pendorong (*driving force*) dalam diri masyarakat Islam sehingga menyebabkan tamadun Islam tidak dapat bertahan. Ini dapat dilihat dalam analisis beliau terhadap faktor kemajuan dan kemunduran tamadun Islam. Beliau mengatakan:

it is these driving forces themselves which have made those societies spring out nothingness to be projected onto the historical scene in which they last inasmuch as they remain supported by those forces.

(Malik Bennabi, 1994)

Tamadun Barat

Tamadun Barat, secara keseluruhannya, mengalami tiga period, iaitu Zaman Klasik (sebelum Masihi-3M), Zaman Kegelapan (4M-16M), dan Zaman moden (17M-). Pada Zaman Klasik, Barat diterajui oleh falsafah Yunani dan Hellenik. Zaman ini berakhir dengan munculnya agama Kristian sebagai institusi yang memegang tampuk kekuasaan (teokrasi). Isma'il al-Faruqi mengatakan bahawa ahli sejarah Barat menamakan zaman ini dengan zaman kegelapan adalah kerana pada zaman ini ketamadunan warisan Greek telah digantikan dengan agama yang anti-dunia, anti-manusia dan anti-akal fikiran.

Sebagai perbandingan dengan peradaban Barat, kita dapati bahawa yang mewarnai dan memberikan identiti tamadun Barat adalah aspek pemikiran yang muncul jauh lebih awal daripada kemajuan fizikal. Konsep sekularisme, modernisme, liberalisme, humanisme, rasionalisme inilah yang berakar umbi dalam pemikiran Barat dan telah mencetuskan kemajuan dalam sains dan teknologi. Pemikiran dan falsafah Barat jugalah yang menentukan identiti, hala tuju dan destinasi peradaban Barat.

Kemunculan tamadun Barat bermula dengan perubahan dan transformasi yang besar yang telah dilakukan oleh masyarakat Eropah pada era *enlightenment* (pencerahan) iaitu pada abad 18-19 Masihi. Era yang merupakan kesinambungan daripada *renaissance* ini bertitik tolak daripada pengaruh sekularisme yang telah berakar umbi dan diterima pakai oleh masyarakat Barat. Selain sekularisme, liberalisme dan modernisme diperakui sebagai ubat yang mujarab bagi masyarakat Barat yang telah berhasil mengeluarkan mereka daripada kemunduran dan kegelapan kepada kemajuan dan kemakmuran. Ketiga-tiga pemikiran ini kemudian menjadi asas kepada kemunculan beberapa isme-isme yang lain seperti humanisme, positivisme, rasionalisme, dan empirisme.

Dari sini kita dapat lihat bahawa peradaban Barat berdiri di atas falsafah tentang hakikat manusia yang tidak pernah dikenal oleh agama Kristian sebelum itu mahupun agama-agama yang lain. Hal ini diakui oleh pemikir-pemikir Islam seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Isma'il al-Faruqi dan Seyyed Hussein Nasr. Al-Attas menegaskan

bahawa dalam membahaskan tentang hakikat manusia tamadun Barat telah jauh tersasar daripada landasan yang benar, ini kerana sebenarnya apa yang telah mereka lakukan, disedari ataupun tidak, adalah merupakan usaha menjadikan manusia sebagai tuhan (deification of human beings). Al-Attas kemudian menyenaraikan ciri-ciri, substansi dan identiti peradaban Barat:

Reliance upon the powers of the human intellect alone to guide man through life; adherence to the validity of the dualistic vision of reality and truth; affirmation of the reality of the evanescent-aspect of existence projecting a secular worldview; espousal of the doctrine of humanism; emulation of the allegedly universal reality of drama and tragedy in the spiritual, or transcendental, or inner life of man, making drama and tragedy real and dominant elements in human nature and existence - these elements altogether taken as a whole are, in my opinion, what constitute the substance, the spirit, the character and personality of Western culture and civilization

(Al-Attas, 1995)

Dapat disimpulkan dari kutipan di atas bahawa rasionalisme, dualisme, sekularisme, humanisme dan tragedi adalah warna asas ketamadunan Barat yang telah mewarnai segala aspek pemikiran, kemajuan dan cara hidup yang telah dicapai oleh Barat.

Al-Faruqi pula berpendapat bahawa kebangkitan masyarakat Barat dicirikan oleh falsafah yang sama yang telah menjadi inspirasi masyarakat Romawi-Yunani, iaitu manusia adalah penentu bagi segala sesuatu (*man is the measure of all things*). Dari falsafah Yunani inilah, tambah al-Faruqi, Barat mengambil ideologi humanismenya. Dalam perbahasannya mengenai manusia dan ketamadunan, Syed Hussein Nasr menggambarkan bahawa terdapat hubungan yang erat di antara konsep ketamadunan dan konsep manusia. Menurut beliau dalam tamadun Barat, manusia dilihat sebagai:

as an autonomous being brought by accidents of natural selection, master of his own destiny, at least for those who believe in free will, and lord of the earth and the whole natural environment

(Seyyed Hossein Nasr, 1993).

Islam dan Peradaban

Sesetengah agama tidak mempunyai peranan yang dominan dalam pembangunan peradaban. Peradaban Barat yang mendominasi sebahagian besar masyarakat dunia hari ini, adalah peradaban yang tidak berdasarkan kepada agama, sebaliknya ia berdasarkan kepada falsafah Barat dan kemajuan sains dan teknologi, yang telah menyempitkan dan menafikan peranan agama dalam kehidupan.

Berbeza dengan agama Islam, Islam itu sendiri adalah agama yang mendorong, bahkan menjadi faktor pendorong yang utama dalam membina peradaban. Bahkan ada pemikir Islam yang berpendapat bahawa Islam itu sendiri adalah peradaban dalam erti kata Islam tidak mungkin difahami dengan betul apabila ia dipisahkan daripada konsep peradaban dan ketamadunan. Ini bermakna konsep peradaban dapat dilihat dalam hakikat agama Islam itu sendiri. Hubungan yang erat antara Islam dengan ketamadunan juga dapat dilihat apabila kita menelusuri sejarah Islam di mana kedatangan Islam membawa perubahan yang besar kepada masyarakat jahiliah dan masyarakat dunia umumnya. Perubahan yang dilakukan oleh Islam adalah perubahan yang sangat bererti bagi manusia dan kemanusiaan. Bahkan, perubahan tersebut telah menjadi pemangkin kepada peradaban dan tamadun yang terbaik yang dapat dihasilkan oleh manusia.

Konsep *al-din* dalam Islam berbeza dengan konsep agama dalam pemikiran Barat. Ini kerana konsep agama dalam pemikiran Barat tidak merangkumi setiap aspek kehidupan manusia sepertimana konsep *al-din*. Agama ditakrifkan sebagai sebuah sistem peribadatan yang menghubungkan manusia dengan Tuhan (*ritual*). Definisi ini merujuk kepada agama-agama yang wujud sebelum Islam seperti Yahudi, Nasrani, Hindu, Buddha dan lain-lain. Definisi ini memang menggambarkan hakikat agama-agama tersebut tetapi ia tidak menggambarkan hakikat sebenar agama Islam. Oleh sebab itu ramai pemikir Islam yang menolak untuk mendefinisikan Islam sebagai agama sepertimana agama-agama lain.

Islam sebagai *al-din* merupakan istilah yang digunakan al-Quran. Ia tidak merujuk kepada hubungan manusia dengan Tuhan sahaja, tidak terbatas dalam aspek spiritual dan hanya melibatkan individu sahaja sepertimana halnya dalam agama selain Islam. *Al-din* mempunyai peranan dan pengaruh yang besar dalam setiap aspek kehidupan manusia. Ajaran Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia seperti aspek spiritual, moral, ekonomi, sosial, politik, perundangan dan lain-lain. Apabila

Islam difahami dan dilaksanakan dalam hanya satu aspek sahaja (*spiritual*) maka hilanglah kesempurnaan dan keaslian yang menjadi kelebihan Islam berbanding dengan agama-agama lain.

Tamadun Islam dan Ilmu-ilmu Moden

Masalah utama yang dihadapi oleh umat Islam pada awal abad ke-20 adalah apakah pendekatan yang perlu diambil dan yang sepatutnya dilakukan oleh umat Islam dalam menghadapi tamadun Barat. Secara umumnya ketika itu umat Islam terbahagi kepada dua pendekatan yang dominan. Pertama pendekatan radikal, di mana sebahagian besar umat Islam bersikap pasif dan antagonis. Sikap anti-Barat yang dilakukan pada zaman kolonialisme, oleh sebahagian umat Islam khususnya golongan tradisionalis, disebabkan kesan penjajahan dan kerosakan pemikiran yang dilakukan oleh kolonialis-kolonialis Barat beratus-ratus tahun lamanya.

Kedua, pendekatan positif dan terbuka, dengan tujuan agar umat Islam dapat maju bersama Barat, keluar daripada kejumudan pemikiran dan kemunduran yang membenggu hampir keseluruhan dunia Islam. Golongan ini dipelopori Muhammad ‘Abduh yang berpendirian bahawa ilmu itu bersifat neutral dan ia perlu dimanfaatkan umat Islam untuk kepentingan pembangunan dan kemajuan. Kemudian muncul pula pemikir-pemikir Islam yang menyuarakan perlunya Islamisasi ilmu pengetahuan dilakukan sebelum ilmu-ilmu tersebut dihidangkan kepada umat Islam.

Ilmu pengetahuan yang sekarang ini didominasi oleh Barat, telah diwarnai dengan pemikiran sekularisme. Perlu ditegaskan bahawa kemunculan peradaban Barat adalah hasil daripada proses sekularisasi, modernisasi, dan liberalisasi. Sekularisme yang telah berakar umbi dalam pemikiran barat menghasilkan *worldview* yang bertentangan dengan *worldview* Islam.

Dalam ilmu politik contohnya teori-teori politik moden seperti: kedaulatan rakyat (*the sovereignty of the people*), Liberal Demokrasi dan sebagainya adalah hasil pemikiran dan gagasan pemikir-pemikir Barat yang hidup pada era *renaissance* (kebangkitan) dan era berikutnya. Pada zaman inilah sekularisme dan rasionalisme menjadi kayu ukur dalam segala perkara. Hal yang sama juga berlaku pada ilmu-ilmu seperti: ekonomi, sains sosial, psikologi, perundangan dan lain-lain.

Oleh itu ilmu-ilmu tersebut sebenarnya tidak neutral, berlawanan dengan apa yang dinyatakan oleh saintis Barat, akan tetapi ia adalah *value laden*, iaitu mengandungi nilai-nilai pemikiran Barat yang sekular.

Pemikir Islam yang pertama sekali mengutarakan konsep Islamisasi ini dengan jelas ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas dan disokong oleh Isma'il al-Faruqi. Menurut al-Attas, Islamisasi yang dimaksudkan adalah *desecularization* (menyahsekulkarkan) iaitu membuang elemen-elemen sekular yang terdapat dalam ilmu tersebut dengan merujuk kepada ajaran Islam.

Al-Attas (1978) menjelaskan erti Desecularization sebagai “*The deliverance of knowledge from its interpretations based on secular ideology; and from meanings and expressions of the secular*”. Proses pemisahan dan penyaringan unsur-unsur sekular dalam ilmu pengetahuan kontemporari pada umumnya dilakukan dalam bidang ilmu-ilmu kemanusiaan (*human sciences*), akan tetapi ini tidak bermakna ilmu-ilmu tabii dan ilmu-ilmu lainnya terlepas daripada unsur sekularisme. Kerana ilmu-ilmu tersebut juga melibatkan penafsiran fakta dan penghasilan teori yang juga ciptaan manusia. Jelasnya, menurut al-Attas segala fakta dan teori yang dihasilkan oleh akal manusia kebenarannya adalah tidak mutlak, lebih-lebih lagi apabila tidak disesuaikan terlebih dahulu dengan *worldview* Islam.

Justeru, digariskan di sini beberapa proses dan langkah-langkah Islamisasi yang bertujuan melakukan desekularisasi dalam konteks umat Islam, adalah seperti berikut:

1. Umat Islam mesti menguasai Ilmu-ilmu Islam sama ada berbentuk Fardu ‘Ain atau Fardu Kifayah. Komponen ilmu Fardhu ‘Ain meliputi ilmu akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Kefahaman yang mendalam dalam ilmu-ilmu tersebut, khususnya yang merupakan asas metafizika Islam, akan membentuk *worldview* Islam dalam jiwa seseorang. Dengan demikian diharapkan seseorang itu tidak mudah terpengaruh dengan cara berfikir dan cara hidup Barat.
2. Menguasai komponen ilmu Fardu Kifayah untuk membangunkan sistem kehidupan seperti sains dan teknologi atau ilmu-ilmu moden yang berasal dari Barat dengan mendalam dari segi sejarah kemunculan, prinsip dan metodologinya. Dengan ini diharapkan penilaian terhadap ilmu-ilmu Barat tidak hanya bersifat luaran.
3. Menguasai dan mengkaji khazanah keilmuan Islam, yang berkaitan dengan disiplin ilmu tertentu oleh para ilmuwan Islam dari dulu sampai sekarang.
4. Membuat perbandingan yang menyeluruh di antara ilmu-ilmu Islam dengan ilmu-ilmu moden.

5. Penilaian kritis terhadap ilmu-ilmu moden dengan merujuk kepada ajaran Islam. Penilaian yang menyeluruh dengan tidak mengenepekan aspek moral akhlak dan sosial.
6. Memberikan alternatif yang sesuai dengan ajaran Islam berdasarkan kajian yang mendalam dan kritikan yang membina untuk menyempurna dan mengharmonikannya di mana ia bukan berbentuk retorik semata-mata.

Seperti yang pernah ditegaskan al-Attas, Islamisasi tidak sepatutnya difahami sebagai usaha untuk mengimport ilmu pengetahuan dan tamadun Barat dan melabelkannya dengan nama Islam. Usaha seperti ini tidak ubah seperti meniru dan menjadi pak turut. Ada juga yang memahami Islamisasi dengan usaha menampal kelemahan yang ada dalam sistem dan disiplin ilmu konvensional. Islamisasi memerlukan kefahaman, pemikiran dan kepakaran, dalam erti kefahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam dan *worldview* yang terkandung di dalamnya, pemikiran yang tinggi agar dapat melihat dengan tajam dan menyeluruh, dan kepakaran agar dapat menghasilkan sesuatu yang baru dan konstruktif. Oleh itu Islamisasi merupakan tugas besar yang mendepani para intelektual Muslim, yang telah dibentuk dengan acuan Islam, dan bukannya dengan acuan Barat.

Kesimpulan

Tamadun Islam dan Barat boleh wujud bersama, jika Barat berusaha memahami Islam dan umat Islam. Dan sayangnya hal ini tidak mungkin terjadi seutuhnya kerana ia akan melibatkan kebenaran yang dibawa oleh Islam dan kepalsuan yang ada pada tamadun Barat. Usaha-usaha sebahagian besar pihak orientalis mengkaji Islam selama ini tidak menjurus ke arah perdamaian kerana kajian yang dihasilkan adalah bias dan didorong oleh niat yang tidak ikhlas. Kehadiran Orientalis justeru menimbulkan masalah kerana mereka menjadi guru-guru kepada kelompok yang menamakan diri mereka sebagai Islam Liberal, modernis dan sebagainya untuk menyerang kebanyakan ulama dan sarjana Islam yang mereka namakannya sebagai golongan Islam klasik, fundamental, dan tertutup.

Jika dilihat dari sudut lain, kemunculan golongan ekstremis merupakan akibat timbal balik yang keras daripada sikap tidak adil dan berat sebelah pihak Barat dalam setiap masalah yang berkaitan dengan masyarakat

Islam. Walaupun penulis tidak berniat untuk menjustifikasikan tindakan mereka, tetapi isu ini menunjukkan bahawa permasalahan tersebut adalah kritikal dan akan semakin meruncing. Bagi pihak Barat pula, sikap ekstrem golongan ini dijadikan asas kepada mereka untuk bertindak sesuka hati terhadap umat Islam yang sememangnya dianggap ancaman kepada hegemoni mereka. Persoalan terakhir ialah apakah umat Islam mempunyai keberanian dan persediaan? Ini belum lagi memikirkan apakah bentuk persediaan dan kelengkapan yang wajar, demi untuk mempertahankan kedaulatan agama dan umat Islam.

Bibliografi

- Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ABIM, repr. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Faruqi, Isma'il Raji. (1992). *al-Tawhid: Its implications for thought and life*. Herndon: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Faruqi, Isma'il Raji. (1998). *Islam and other faith*. Leicester and Herndon: The Islamic Foundation and International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Ali, Muhammad Mumtaz. (ed.). (2000). *Modem Islamic movements: Models, problems and prospect*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen
- Barium, Fawzia. (1993). *Malik Bennabi: His life and theory of civilization*. Kuala Lumpur: ABIM.

- Bennabi, Malik. (1994). *The problem of ideas in the Muslim world.* Terjemahan bahasa Inggeris oleh Mohamed Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: ABIM.
- Bennabi, Malik. (2000). *Shurut al-Nahdah.* Terjemahan Bahasa Arab oleh: Umar Masqawi dan' Abd al-Sabur Shahin. Beirut: Dar al-Fikr.
- Berger, P. L. (ed.) (1999). *The desecularization of the world.* Washington: Ethics and Public Polity Center.
- Durrant, W. (1939). *The story of civilization.* New York: Simon and Schuster.
- Esposito, J. L. (1987). *Islam and politics.* New York: Syracuse University Press.
- Esposito, J. L. (1993). *Voices of resurgent Islam.* New York: Oxford University Press.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman. (1971). *Al-Muqaddimah.* Kaherah: Dar al-Kitab.
- International Institute of Islamic Thought. (1989). *Towards Islamization of disciplines.* Herndon: Virginia.
- Nasr, Seyyed Hussein. (1987). *Islam and the plight of modern man.* Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies.
- Qutb, Sayyid. (1993). *Al-Islam wa Mushkilat al-Hadarah.* Kaherah: Dar al-Shuruq.